

Tiada tambahan universiti teknikal

KUALA LUMPUR – Kerajaan tidak berhasrat menambah bilangan universiti teknikal awam sebaliknya akan meningkatkan kualiti dan memperluaskan peranan serta fungsi institusi sedia ada.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, 20 universiti awam termasuk empat universiti teknikal sedia ada ketika ini sudah mencukupi dan mampu melonjakkan taraf pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara ke tahap lebih tinggi.

“Universiti sedia ada sudah mampu melonjakkan bidang teknikal dan kita akan tingkatkan kualiti berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang ditetapkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi soal jawab #TanyaGomen bersama



FOTO: BERNAMA

Idris (kanan) ketika ditemu bual dalam program #Tanya Gomen mengenai isu 'Pendidikan Tinggi Negara Meningkat atau Merosot' di Platinum Sentral, semalam.

Menteri Pendidikan II anjuran Pelan Transformasi Ekonomi di Platinum Sentral, di sini, semalam.

Jelasnya, empat univer-

siti teknikal sedia ada iaitu Universiti Malaysia Pahang; Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Malaysia Perlis dan Universiti Tun

Hussein Onn Malaysia di Johor sudah mencukupi untuk memberi latihan TVET.

Namun katanya, kerajaan berhasrat menambah bilangan

politeknik, kolej komuniti dan kolej vokasional untuk membantu meningkatkan pendidikan dalam bidang TVET.

“Kita akan tambah bilangan institusi ini supaya dapat tingkatkan peranan institusi tersebut dalam membantu universiti teknikal sedia ada dalam bidang teknikal,” katanya.

Dalam sesi soal jawab kira-kira sejam itu, Idris juga ditanya mengenai kebebasan pelajar mengadakan aktiviti politik di dalam kampus.

“Kebebasan boleh. Tetapi kerajaan sedang dalam proses transisi (ke arah kebebasan). Demokrasi bukan segala-galanya kerana apa sahaja kebebasan yang diberikan mesti ada tahap tanggungjawab,” katanya.

Sementara itu, dalam sidang media, Idris berkata, kerajaan memberi komitmen

terbaik dalam memastikan ranking universiti tempatan meningkat menjelang tahun 2025.

“Ranking bukan segala-galanya tapi kita mahu pastikan universiti kita menjadi yang terbaik dan tergolong dalam kelompok tiga teratas dunia,” katanya.

Mengulas laporan akhbar bahawa terdapat kesilapan tatabahasa dalam kertas peperiksaan tahun lepas yang dikeluarkan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Idris berkata, pihaknya telah menghubungi pengarahnya untuk mendapatkan penjelasan.

“Saya sudah meminta Lembaga Peperiksaan meneliti masalah itu dan akan mengeluarkan kenyataan secepat mungkin,” katanya. -Bernama